

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KEDUA TAHUN KELIMA DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI ISNIN, 18 JULAI 2022

1. **YB. DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN (AYER KUNING)**

Prinsip memacu Pembangunan sosioekonomi mampan , Inklusif dan dinamik merupakan teras pembangunan Perak 2030 nanti, minta YAB DS beri penjelasan atas maksud ini?

2. **YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)**

Bantuan tunai Bizzman dan M2yong adalah pendekatan yang amat baik, adakah kerajaan negeri dibawah sekrateriat wanita perak berhasrat untuk menambah peruntukan ini dan difokuskan juga kepada peniaga dibawah kategori B40 ke atas?

- a. Bolehkah kerajaan negeri memikirkan pula bentuk bantuan khusus untuk peniaga pasar malam?
- b. Apakah cadangan kerajaan untuk mengembangkan fungsi step yang dilihat semakin mendapat tempat di dalam kalangan usahawan?

3. **YB ENCIK CHONG ZHEMIN (KERANJI)**

Apakah usaha kerajaan negeri perak untuk membantu penternak-penternak khususnya ayam, lembu dan khinzir untuk mengurangkan kos menternak dan seterusnya mengurangkan kos harga daging ayam, lembu dan khinzir?

4. **YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)**

- a) Apakah langkah yang di ambil oleh kerajaan Negeri mahupun agensi yang terlibat dalam merancang pembinaan rumah mampu milik di kawasan DUN Pengkalan Hulu?
- b) Berapakah keluasan kawasan yang dimiliki oleh agensi di bawah kerajaan Negeri di Pengkalan Hulu yang telah di bangunkan untuk memastikan rakyat di Pengkalan Hulu mendapat manfaat?

5. **YB MOHD ZAIDI BIN AZIZ (SLIM)**

Apakah mekanisma pemantauan bagi kenaikan harga barang asas, adakah pemantauan dijalankan secara berkala bagi setiap daerah. Berapakah jumlah aduan tentang harga barang yang diterima sehingga kini?

6. **YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

Peningkatan kes kemalangan dan kes pesakit-pesakit kritikal saban hari memerlukan penggunaan darah yang sangat banyak, soalan saya

a) Apakah statistik bank darah (blood bank) untuk hospital di setiap daerah yang terkini?

b) Apakah Purata penggunaan bekalan darah setiap hari dan bulan di negeri Perak?

7. **YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR (KUALA SEPETANG)**

Adakah kajian semula dibuat keatas jumlah bantuan bulanan JKM RM 300 bagi kos saraan yang terus meningkat dimasa kini?

8. **YB ENCIK TEOH YEE CHERN (ASTAKA)**

Peluang pekerjaan yang rendah merupakan satu isu dalam kalangan anak muda selepas pandemik Covid-19 yang perlu diberi perhatian. Apakah langkah-langkah atau strategi yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam memastikan isu ini ditangani secara berkesan?

9. **YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)**

ALAM SEKITAR- Perlombongan Nadir bumi 'Lathanide' di mukim Kenering.

Apakah kerajaan negeri telah menyediakan pelan mitigasi sebagai langkah mengurangkan impak projek tersebut terutama kepada hidupan liar yang dilindungi serta penanaman semula balak kerana projek berkenaan terletak di dalam Koridor Rangkaian Ekologi (Central Forest Spine) dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Tahap 1 seperti mana yang terkandung didalam Rancangan Fizikal Negara?

10. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Tentang sistem parkir di negeri Perak

- i. Berapakah kos setiap tahun dibayar oleh pihak kerajaan, kepada sistem e-parking PBT negeri Perak kepada pihak pengendali aplikasi Park@Perak sejak dilancar?
- ii. Berapakah kos dibayar setiap tahun kepada pencetak kupon parkir yang telah disatukan untuk seluruh negeri Perak?
- iii. Sila berikan nama berdaftar untuk syarikat pengendali Park@Perak dan pencetak kupon parkir Perak?

11. YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS (KENERING)

Sektor pertanian, penternakan dan perikanan merupakan antara bidang utama penglibatan rakyat Negeri dan antara kumpulan terbesar yang terlibat berpendapatan (B40).

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperkasakan sektor ini dengan peningkatan jumlah hasil dan mampu melonjakkan pendapatannya?
- b) Apakah barangan keperluan berasaskan makanan mencukupi bagi Negeri kini?

12. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI (BEHRANG)

Lembaga Air Perak

- (i) Berapakah usia paip-paip yang sedang digunakan untuk menyalurkan bekalan air ke pengguna-pengguna di dalam Daerah Muallim?.
- (ii) Berapakah kekerapan kebocoran mengikut zon dan kawasan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini?.
- (iii) Kenapa paip jenis UPVC masih digunakan berbanding dengan Mild Steel (MS)?

13. YB DR JURIJ BIN JALALUDIN (LUBOK MERBAU)

Pencerobohan hutan kekal Atau Hutan Simpan Kekal (kawasan seluas) satu hektar bererti negara telah kerugian RM1.4 juta dari segi kehilangan biodiversiti. Itu belum lagi melibatkan dari sudut lain seperti pencemaran dan kesan akibat tindakan mereka. Nyatakan jumlah keluasan hutan kekal dan hutan Simpan yang telah dicerobohi dalam Negeri Perak.

- a. Nyatakan berapa peratus keluasan hutan kekal dan hutan Simpan yang masih kekal dalam Negeri Perak?.

- b. Nyatakan keluasan hutan kekal dan hutan Simpan dalam Negeri Perak yang telah diluluskan untuk tujuan Pertanian?.
- c. Nyatakan sejauhmana tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap kesalahan pencerobohan hutan kekal dan hutan Simpan dalam Negeri Perak?.

14. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Pembahagi jalan di Jalan Perajurit

Selepas pembinaan pembahagi jalan di sepanjang Jalan Perajurit oleh Majlis Bandaraya Ipoh, mendapat rungutan daripada pengguna jalan raya sebagai teruk dan tidak memuaskan selain sering berlaku kemalangan jalan raya.

- (a) Apakah rancangan kerajaan di dalam mengatasi masalah di Jalan Perajurit?
- (b) Bila akan mengambil tindakan memasang lampu jalan di tempat tersebut?

15. YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)

Isu belia kehilangan pekerjaan ini telah mendapat perhatian yang sering dibawa ke dewan, namun adakah data2 ini dibentangkan didalam mana2 mesyuarat kerajaan negeri?

a. sekiranya pangkalan data ini wujud didalam mana-mana agensi seperti pasak dan jabatan tenaga buruh bolehkah dibentangkan didewan berapa ramai atau berapa % belia didalam perak yang masih belum berjumpa dengan pekerjaan?

b. adakah pangkalan data tersebut(dashboard) lengkap seperti latar belakang, minat dan keupayan mereka?

16. YB ENCIK YONG CHOO KIONG (TRONOH)

Jambatan di Kampung Sekar Jadi yang telah reput dan rosak.

i. Apakah langkah agensi berwajib didalam mengawasi serta memantau keadaan semasa jambatan – jambatan di kampung kampung?

17. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Program ujian mammogram bawah seliaan LPPKN kurang mendapat sambutan mulai tahun 2020.

a) Nyatakan sebab-sebab program ujian mammogram kurang mendapat sambutan atau cabaran yang dihadapi kerajaan.

b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan golongan wanita dijaga melalui program ujian mammogram ini.

c) Adakah kerajaan berhasrat untuk bekerjasama dengan ADUN bagi mengadakan program pendaftaran ujian mammogram di seluruh Perak, mengikut kawasan masing-masing?

18. YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)

Rumah Ibadat Bukan Islam di Negeri Perak

a) Sila nyatakan jumlah Rumah Ibadat Bukan Islam di Negei Perak?

b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diperuntukan bagi Rumah Ibadat Bukan Islam di Negeri Perak bagi tahun 2021 dan 2022?

c) Sila nyatakan Unit mana yang bertanggungjawab bagi mengendalikan masalah berhubung Rumah Ibadat Bukan Islam di Pentabdiran Kerajaan Negeri Perak?

19. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU (PASIR BEDAMAR)

Apakah status terkini UPSI.

a. Pada sesi sidang dewan di Mesyuarat Kedua Tahun Keempat pada 10/12/2021 telah dimaklumkan kerja-kerja akan mula kembali pada bulan Mei 2022. Adakah kerja-kerja ini sudah dimulakan dan jika belum apakah sebab kelewatan ini berlaku.

b. Bilakah jangka masa siap UPSI yang terkini?

20. YB ENCIK TAN KAR HING (SIMPANG PULAI)

Yayasan Bina Upaya

a. Apakah peranan dan hubungan antara Kerajaan Negeri dan Yayasan Bina Upaya?

b. Adakah kerajaan menyalurkan peruntukan dalam bentuk dana dan barangan? Jika YA, sila senaraikan jumlah yang disalurkan sejak tahun 2020-2022.

c. Apakah program penganjuran bersama Yayasan Bina Upaya dan Kerajaan Negeri atau GLC kerajaan negeri seperti SADC dan sebagainya? Sila senaraikan program-program bagi tahun 2020-2022?

21. YB ENCIK LOH SZE YEE (JALONG)

Apakah langkah langkah yang telah diambil oeh kerajaan negeri pasca pandemik untuk memajukan sektor perlancongan di negeri Perak bagi pelancongan daripada rakyat Malaysia dan juga pelancong pelancong luar negara?

22. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO (SELINSING)

Kawalan mutu padi amat penting dalam proses penambahasilan keluaran padi di Jabatan Pertanian.

Sila nyatakan jumlah pegawai yang sedia ada dan adakah jumlah tersebut mencukupi bagi menampung kehendak kawalan mutu padi?

23. YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)

Soalan mengenai isu proses temu janji pakar ortodontik di Negeri Perak.

(a) Sila senaraikan jumlah pakar ortodontik mengikut kategori kerajaan dan swasta di Negeri Perak.

(b) Berapakah bilangan kunjungan rakyat ke klinik pergigian pada tahun 2019, tahun 2020 dan tahun 2021?

(c) Adakah kerajaan menyedari bahawa tempoh menunggu tarikh temu janji yang lama membawa kesulitan kepada kehidupan harian rakyat?

24. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN (SUNGAI RAPAT)

Apakah mekanisma jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri dalam menghadapi kenaikan harga barang yang tidak terkawal sekarang ini menyebabkan rakyat terbeban dengan masalah tersebut dan apakah bentuk rancangan ekonomi yang boleh dilaksanakan segera serta apakah bentuk bantuan segera yang boleh kerajaan negeri salurkan kepada rakyat terutamanya B40 dan M40?

25. YB DATUK MASLIN SHAM BIN RAZMAN (BUKIT CHANDAN)

Skim kad prihatin banyak membantu keluarga yang memerlukan. Adakah pihak kerajaan berhasrat meningkatkan lagi jumlah bantuan dan jumlah penerima skim ini?

26. YB ENCIK LEONG CHEOK KENG (MALIM NAWAR)

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi

Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan satu Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi.

(a) Adakah Kerajaan Negeri mencadangkan untuk menubuhkan Pasukan Khas yang serupa di peringkat negeri?

(b) Apakah tindakan yang serupa yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membendung inflasi dengan mencegah aktiviti mengaut keuntungan oleh peniaga?

(c) Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu Pasukan Khas tersebut?

27. YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)

Pelan Perak Sejahtera 2030 menggariskan agenda yang mencerminkan aspirasi rakyat daripada segi kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan dengan misi memacu pembangunan sosiekonomi yang mapan, inklusif dan dinamik. Apakah langkah proaktif kerajaan sekarang ini dalam menyelesaikan cabaran perdana yang digariskan dalam pelan tersebut:

a. Masalah aliran negatif migrasi bersih negeri Perak?

b. Masalah kedudukan pertama negeri yang mempunyai bilangan B40 tertinggi di Malaysia?

c. Masalah peningkatan warga tua di negeri Perak?